

**SOALAN NO: 17**

Walaupun terdapat laporan bahawa ia dikesan di Rusia, namun setakat ini tiada insiden serupa dilaporkan di negara ini.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berwaspada dan akan melakukan pemantauan berterusan terhadap permainan dalam talian ini.

Dalam usaha menangani isu-isu seperti ini, pihak SKMM telah mengadakan beberapa sesi konsultasi dengan pelbagai golongan masyarakat di semua peringkat termasuk kanak-kanak, ibu bapa, golongan pendidik dan badan organisasi berkaitan.

Hasil daripada konsultasi berkenaan, SKMM telah merangka beberapa siri pelan pelaksanaan yang dipercayai boleh membantu dalam usaha melindungi masyarakat daripada eksploitasi permainan seperti ini di internet. Antara siri pelan pelaksanaan yang dirangka adalah seperti :

- i- Pembangunan perisian atau aplikasi kawalan ibu bapa (*parental control tools*)
- ii- Hebahan garis panduan mengenai pembinaan perisian atau aplikasi secara terkawal
- iii- Program jalinan kerjasama secara bersepadu dengan pihak berkaitan
- iv- Program advokasi dan jangkauan
- v- Liputan media secara menyeluruh